


POLA KEGUNAAN DAN KEPUASAN PENGGUNAAN
AKHBAR DALAM KALANGAN REMAJA DI PANTAI
BARAT SABAH



UMS
AISAH MERI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SEKOLAH SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2013

POLA KEGUNAAN DAN KEPUASAN PENGGUNAAN
AKHBAR DALAM KALANGAN REMAJA DI PANTAI
BARAT SABAH

AISAH MERI



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

TESIS INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA

SEKOLAH SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2013

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

IJAZAH : _____

SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____

(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)_____
(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: _____

(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

01 Mac 2013

Aisah Bt. Meri
PA 2010-8081



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **AISAH MERI**
NOMBOR MATRIK : **PA2010-8081**
TAJUK : **POLA KEGUNAAN DAN KEPUASAN PENGGUNAAN
AKHBAR DALAM KALANGAN REMAJA DI PANTAI
BARAT SABAH**
IJAZAH : **IJAZAH SARJANA SASTERA (KOMUNIKASI)**
TARIKH VIVA : **14 JUN 2013**

DISAHKAN OLEH:

1. PENYELIA UTAMA
Dr. Lee Kuok Tiung

2. PENYELIA BERSAMA
Dr. Haryati Abd. Karim

Tandatangan

UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur saya panjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya saya dapat menyiapkan tesis ilmiah ini dengan jayanya.

Saya juga ingin memberikan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada penyelia utama, Dr. Lee Kuok Tiung serta penyelia bersama, Dr. Haryati Abd. Karim sepanjang saya menjalankan penyelidikan ini. Ini kerana ke dua-dua insan penting ini telah banyak memberikan bantuan, bimbingan serta tunjuk ajar sepanjang proses penyiapan tesis ini. Saya juga ingin memberikan penghargaan yang tidak terhingga kepada insan-insan penting dalam hidup saya terutamanya ibu dan ayah, Meri bin Saris dan Alus Haji Inau, adik beradik serta Abdul Salleh Hantar yang telah banyak memberikan sokongan, nasihat serta bimbingan sepanjang saya menuntut di Universiti Malaysia Sabah ini.

Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperti Aziah, Shahrulnizam, Idawati dan Ong yang telah banyak membantu saya menjalankan penyelidikan ini. Saya berharap dengan adanya pertolongan yang dihulurkan akan dapat menjadikan saya seorang yang mampu berguna di masa hadapan kelak. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, Arkib Negeri Sabah dan Perpustakaan Bandaraya Kota Kinabalu, Kota Belud dan Tenom kerana memberikan kerjasama yang cukup baik sepanjang saya membuat kajian dan mendapatkan data serta maklumat untuk dijadikan sebagai bahan dalam kajian yang telah saya jalankan.

Justeru itu, sekali lagi saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada sesiapa sahaja yang telah terlibat secara langsung ataupun tidak sepanjang saya menjalankan kajian ini. Dengan itu, semoga bantuan dan kerjasama yang telah anda semua berikan akan mendapat kebaikan dan ganjaran yang lebih baik daripada Allah S.W.T.

Sekian,

Aisah Meri

Mac 2013

ABSTRAK

POLA KEGUNAAN DAN KEPUASAN PENGGUNAAN AKHBAR DALAM KALANGAN REMAJA DI PANTAI BARAT SABAH


Pola penggunaan akhbar dalam kalangan remaja di Sabah merupakan sesuatu yang menarik untuk diselidiki khususnya melihat industri persuratkhabaran di Sabah yang kian berkembang. Kajian ini mempersembahkan pola kegunaan dan kepuasan penggunaan akhbar dengan menggunakan survei ke atas 270 remaja di sekitar Pantai Barat Sabah berpandukan kepada teori kegunaan dan kepuasan (U&G). Hasil dapatan kajian mendapati keperluan utama yang mendorong remaja Sabah untuk mengakses akhbar adalah keperluan kognitif, komunikasi dan penyepaduan sosial. Data juga menunjukkan remaja kerap menggunakan akhbar untuk pembelajaran, memperolehi bahan yang sukar diperolehi di tempat lain dan pencarian maklumat. Sementara itu, kepuasan yang paling tinggi diperolehi remaja ini adalah perbincangan interpersonal, pengawasan dan motivasi. Kajian mendapati dalam situasi kaya media pada hari ini, akhbar begitu utuh dengan peranan dan fungsinya serta masih diterima dalam kalangan remaja walaupun terpaksa bersaing dengan media lain.



UTMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

Pattern of newspapers usage among adolescents in Sabah is an intriguing subject to study as the newspapers industry in Sabah itself has tremendously bloomed. This study present finding from a survey of 270 adolescents in the West Coast area of Sabah regard on their pattern of uses and gratifications of newspaper usage based on uses and gratifications (U&G) theory. The findings found that cognitive, communication and social integrative needs are most important in newspapers usage among Sabahan youngsters. In addition, data suggest that newspapers are used primarily as learning, seeking information which is difficult to find and information searching. Meanwhile, the highest gratifications derived are interpersonal conversation, surveillance and motivation. This study concludes that in a media rich environment, the newspapers have kept its functional role and still accepted among adolescents in Sabah though have to compete with others.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xiii
BAB 1: PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Perkembangan Akhbar di Sabah	5
1.3 Akhbar Dalam Kalangan Remaja di Malaysia	9
1.4 Pernyataan Masalah	11
1.5 Objektif Kajian	12
1.6 Tujuan Kajian	12
1.7 Skop Kajian	14
1.8 Kesimpulan	15
BAB 2: SOROTAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	17
2.2 Evolusi Perkembangan Teori Kegunaan dan Kepuasan	20
2.3 Tinjauan Kajian Lepas	24
2.4 Model Kajian	49
2.5 Hipotesis Kajian	50
2.6 Takrifan Konsep	52
2.6.1 Demografi	52
2.6.2 Keperluan	52
2.6.3 Keperluan Kognitif	53
2.6.4 Keperluan Aktif	53
2.6.5 Keperluan Penyepaduan Peribadi	54
2.6.6 Keperluan Penyepaduan Sosial	54
2.6.7 Keperluan Pelepasan Diri	55
2.6.8 Keperluan Bimbingan	55
2.6.9 Keperluan Komunikasi	55
2.6.10 Kegunaan	56

2.6.11	Pencarian Maklumat	56
2.6.12	Identiti Personal	57
2.6.13	Pemesongan	57
2.6.14	Pembelajaran	57
2.6.15	Utiliti Keputusan	58
2.6.16	Mendekati Bahan Yang Sukar Diperolih Di Tempat Lain	58
2.6.17	Aktiviti Waktu Bosan	59
2.6.18	Santai	59
2.6.19	Tabiat	60
2.6.20	Kepuasan	60
2.6.21	Pengawasan	61
2.6.22	Hiburan	61
2.6.23	Perbincangan Interpersonal	62
2.6.24	Interaksi Parasosial	62
2.6.25	Motivasi	62
2.6.26	Emosi	62
2.7	Kesimpulan	62
BAB 3: KAEDAH KAJIAN		
3.1	Pengenalan	64
3.2	Populasi dan Sampel	66
3.3	Tatacara Pengumpulan Data Untuk Kerja Lapangan	67
3.4	Pengoperasian	69
3.4.1	Profil Demografi	69
3.4.2	Keperluan	78
3.4.3	Faktor-Faktor Kegunaan Akhbar	80
3.4.4	Kepuasan	83
3.5	Kebolehpercayaan dan Kesahihan	85
3.6	Kesimpulan	85
BAB 4: HASIL KAJIAN		
4.1	Pengenalan	87
4.2	Profil Demografi	88
4.3	Penggunaan Akhbar	95
4.4	Keperluan	100
4.5	Kegunaan	109
4.6	Kepuasan	117
4.7	Pengujian Hipotesis	123
4.8	Kesimpulan	146

BAB 5: PERBINCANGAN DAN GENERALISASI	
5.1 Pengenalan	148
5.2 Perbincangan Penemuan	149
5.3 Perbincangan Kerangka Teori Kajian	159
5.4 Batasan Kajian	161
5.5 Cadangan Untuk Kajian Masa Akan Datang	162
5.6 Kesimpulan	162
RUJUKAN	166
LAMPIRAN A	189
LAMPIRAN B	199




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	Halaman	
Jadual 3.1	Ujian Pertama Kebolehpercayaan Antara Item Keperluan	79
Jadual 3.2	Ujian Ke Dua Kebolehpercayaan Mengikut Keperluan	80
Jadual 3.3	Ujian Pertama Kebolehpercayaan Antara Item Kegunaan	81
Jadual 3.4	Ujian Ke Dua Kebolehpercayaan Mengikut Kegunaan	82
Jadual 3.5	Ujian Pertama Kebolehpercayaan Antara Item Kepuasan	83
Jadual 3.6	Ujian Ke Dua Kebolehpercayaan Mengikut Kepuasan	84
Jadual 4.1	Responden Mengikut Etnik	88
Jadual 4.2	Responden Mengikut Jantina	88
Jadual 4.3	Responden Mengikut Umur	89
Jadual 4.4	Penempatan Asal Responden	89
Jadual 4.5	Tempat Tinggal Semasa	90
Jadual 4.6	Kelayakan Pendidikan Tertinggi	91
Jadual 4.7	Responden Mengikut Aliran Pengajian	91
Jadual 4.8	Responden Mengikut Perbelanjaan Bulanan	92
Jadual 4.9	Responden Mengikut Sumber Kewangan Utama	92
Jadual 4.10	Pekerjaan Bapa Mengikut Sektor	93
Jadual 4.11	Pekerjaan Ibu Mengikut Sektor	94
Jadual 4.12	Responden Mengikut Pendapatan Isi Rumah	94
Jadual 4.13	Purata Pembacaan Akhbar Dalam Seminggu	95
Jadual 4.14	Purata Masa Setiap Kali Membaca Akhbar	96
Jadual 4.15	Kekerapan Pembacaan Mengikut Bahasa	96
Jadual 4.16	Kekerapan Pembacaan Jenis Akhbar	97
Jadual 4.17	Faktor Persekitaran Memotivasi Pembacaan Akhbar	99
Jadual 4.18	Kadar Kepuasan Pembacaan Akhbar	99
Jadual 4.19	Keperluan Kognitif	101
Jadual 4.20	Keperluan Afektif	102
Jadual 4.21	Keperluan Penyepaduan Diri	103
Jadual 4.22	Keperluan Penyepaduan Sosial	104
Jadual 4.23	Keperluan Pelepasan Diri	105
Jadual 4.24	Keperluan Bimbingan	106
Jadual 4.25	Keperluan Komunikasi	107
Jadual 4.26	Keperluan Utama Pembacaan Akhbar	108
Jadual 4.27	Kegunaan Pencarian Maklumat	109
Jadual 4.28	Kegunaan Identiti Personal	110
Jadual 4.29	Kegunaan Pemesongan	110

Jadual 4.30	Kegunaan Pembelajaran	111
Jadual 4.31	Kegunaan Utiliti Keputusan	113
Jadual 4.32	Kegunaan Mendekati Bahan Yang Sukar Diperolehi Di Tempat Lain	114
Jadual 4.33	Kegunaan Aktiviti Sewaktu Bosan	115
Jadual 4.34	Kegunaan Santai	115
Jadual 4.35	Kegunaan Tabiat	116
Jadual 4.36	Faktor Kegunaan Utama Pembacaan Akhbar	117
Jadual 4.37	Kepuasan Pengawasan	118
Jadual 4.38	Kepuasan Hiburan	119
Jadual 4.39	Kepuasan Perbincangan Interpersonal	120
Jadual 4.40	Kepuasan Motivasi	121
Jadual 4.41	Kepuasan Emosi	122
Jadual 4.42	Kepuasan Interaksi Parasosial	122
Jadual 4.43	Kepuasan Utama Pembacaan Akhbar	123
Jadual 4.44	Analisis <i>t-test</i> Antara Jantina Dengan kekerapan Membaca Akhbar Dalam Seminggu	125
Jadual 4.45	Perbezaan Jenis Bahasa Akhbar Yang Di Baca Mengikut Jantina	125
Jadual 4.46	Perbezaan Faktor Persekitaran Yang Mempengaruhi Pembacaan Akhbar Dengan Jantina	126
Jadual 4.47	Ujian Regresi Keperluan Dengan Kegunaan Akhbar Untuk Pencarian Maklumat	128
Jadual 4.48	Ujian Regresi Keperluan Dengan Kegunaan Akhbar Untuk Identiti Personal	129
Jadual 4.49	Ujian Regresi Keperluan Dengan Kegunaan Akhbar Untuk Pemesongan	130
Jadual 4.50	Ujian Regresi Keperluan Dengan Kegunaan Akhbar Untuk Pembelajaran	131
Jadual 4.51	Ujian Regresi Keperluan Dengan Kegunaan Akhbar Untuk Utiliti Keputusan	131
Jadual 4.52	Ujian Regresi Keperluan Dengan Kegunaan Akhbar Untuk Mendekati Bahan Yang Sukar Diperolehi Di Tempat Lain	132
Jadual 4.53	Ujian Regresi Keperluan Dengan Kegunaan Akhbar Untuk Aktiviti Sewaktu Bosan	133
Jadual 4.54	Ujian Regresi Keperluan Dengan Kegunaan Akhbar Untuk Santai	134
Jadual 4.55	Ujian Regrsi Keperluan Dengan Kegunaan Akhbar Untuk Tabiat	135
Jadual 4.56	Ujian Regresi Keperluan Dengan Kegunaan Akhbar	136
Jadual 4.57	Ujian Regresi Hubungan Di Antara Kegunaan Akhbar	139

	Dengan Kepuasan Pengawasan	
Jadual 4.58	Ujian Regresi Hubungan Di Antara Kegunaan Akhbar Dengan Kepuasan Hiburan	140
Jadual 4.59	Ujian Regresi Hubungan Di Antara Kegunaan Akhbar Dengan Kepuasan Perbincangan Interpersonal	141
Jadual 4.60	Ujian Regresi Hubungan Di Antara Kegunaan Akhbar Untuk Kepuasan Motivasi	142
Jadual 4.61	Ujian Regresi Hubungan Di Antara Kegunaan Akhbar Untuk Kepuasan Emosi	143
Jadual 4.62	Ujian Regresi Hubungan Di Antara Kegunaan Akhbar Untuk Kepuasan Interaksi Parasosial	144
Jadual 4.63	Ujian Regresi Hubungan Di Antara Kegunaan Akhbar Dengan Kepuasan Penggunaan Akhbar	145



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 2.1	Model Kegunaan dan Kepuasan Media Katz, Blumler dan Gurevitch (1974) yang telah diubah suai.	49



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Landskap industri akhbar di Malaysia masih kukuh dan berkembang. Sungguhpun mediaskap negara ini digambarkan sebagai persekitaran kaya media namun akhbar dilihat mampu bersaing dengan kehadiran media baharu yang dikatakan mencetuskan ledakan teknologi komunikasi. Dasar Liberalisasi kerajaan terhadap media cetak pada awal tahun 1980-an telah menggalakkan perkembangan media di negara ini terutama sekali perkembangan media cetak dan ini telah menggalakkan penerbitan lebih banyak akhbar dan majalah seterusnya memberikan orang ramai kebebasan untuk memilih sumber maklumatnya (Samsudin A. Rahim, 2001). Akhbar *The Star* dan *The Sunday Star* sebagai contohnya mencatatkan jumlah edaran yang semakin berkembang sekaligus mendahului akhbar berbahasa Inggeris yang lain. Akhbar berbahasa Melayu *Harian Metro* dan *Metro Ahad* juga mencatatkan jumlah edaran yang positif sementara akhbar berbahasa Cina *Sin Chew Daily* turut mencatatkan jumlah edaran yang memberangsangkan dan mendahului akhbar berbahasa Cina yang lain (Mohd Safar Hasim, 2003).

Terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada perkembangan industri akhbar dan salah satu faktor menarik untuk dilihat adalah khalayak akhbar itu sendiri. Bagaimana khalayak berfikir, apakah keutamaan khalayak, perspektif khalayak dan cara pemikiran khalayak merupakan faktor yang bakal menentukan hala tuju sebenar industri akhbar di negara ini. Dalam masa yang sama, remaja merupakan pengguna media baharu yang tinggi. Soalnya, adakah akhbar mempunyai peranan terhadap

golongan remaja? Lantaran itu, eksplorasi kegunaan dan kepuasan khlayak digunakan untuk memahami sudut pandang khlayak akhbar terutamanya remaja di negara ini.

Pola kegunaan dan kepuasan akhbar dalam kalangan remaja di Sabah khususnya kawasan Pantai Barat amat unik untuk diterokai memandangkan capaian akhbar mereka tidak terhad kepada akhbar tempatan sahaja tetapi juga melangkaui akhbar nasional. Di samping itu, Sabah merupakan sebuah negeri yang memiliki kepelbagaian budaya unik, bahasa yang pelbagai dan juga khlayak yang mewakili kawasan bandar dan luar bandar. Morley (1974) sendiri melihat ciri-ciri penting yang perlu diambil kira dalam melaksanakan satu kajian khlayak adalah jantina, kelas sosial, umur, etnik, tahap pendidikan dan juga kawasan tempat tinggal.

Press dan Livingstone (2006) melihat kejayaan kajian khlayak dipengaruhi oleh kajian itu sendiri yang berjaya meletakkan unsur etnografi dalam bidang komunikasi dan media. Kelebihan kajian ini dilihat menerusi penglibatan silang disiplin, kekayaan data, kemampuan mengintegrasikan kajian teks dan pembaca malahan membangunkan kajian massa itu sendiri. Hujah juga turut dibahaskan di dalam kajian khlayak dan digunakan secara meluas di dalam kajian teks serta ekonomi dan politik yang juga termasuk di dalam teori imperialisme media, perbincangan globalisasi dan sebagainya.

Jika diselami asal usul sejarahnya, kajian khlayak di Malaysia bukanlah sesuatu yang baharu. Malahan Asiah Sarji (1995) melihat bahawa usia penyelidikan khlayak penyiaran di Malaysia telah melampaui usia lebih 56 tahun malah seawal tahun 1937 kajian khlayak sudah mula dipraktikkan. Wang Lay Kim (1997) melihat ramai sarjana di negara ini berkecenderungan menjalankan kajian ke atas khlayak dan kebanyakan mereka masih bermula dengan rangka teori kesan kuat media massa atau

peranan penting pemimpin pendapat ataupun khalayak aktif yang boleh menggunakan media massa untuk kepuasan sendiri. Kajian khalayak yang dilaksanakan oleh Normah Mustaffa et al. (2010) mendapati khalayak semakin prihatin terhadap sumber maklumat dan mengharapkan sumber berita yang disiarkan kepada mereka dipercayai dan berkredibiliti.

Akhbar yang dikenali sebagai satu cabang media konvensional telah dianggap sebagai salah satu media yang paling lama dalam sejarahnya. Untuk kesekian lamanya, akhbar telah mendominasi medium berita dalam masyarakat dan dikatakan sebagai wadah yang paling cepat bagi menyampaikan maklumat kepada orang ramai. Weibull (1992) berpendapat dalam sistem media yang luas masa kini, akhbar masih teguh dengan peranan utamanya sebagai penyampai maklumat di mana media lain seperti radio dan televisyen pula lebih menekankan peranan dan lebih bercirikan kepada hiburan. Beliau mendapati pembaca akhbar tertarik kerana fungsi yang ditawarkan akhbar itu sendiri iaitu menyediakan berita setempat dan membolehkan mereka turut serta dan tahu akan aktiviti dan isu yang berlaku di sekeliling mereka.

Sarjana komunikasi McLeod et al. (1999) mengemukakan pendapat yang sama dengan Guo dan Moy (1998) berhubung dengan pembacaan akhbar yang membantu menimbulkan minat dan meningkatkan ilmu pengetahuan. Akhbar dikatakan sangat membantu masyarakat untuk lebih memahami isu politik berbanding dengan menonton televisyen dan mendengar radio. Holtz-Bacha dan Norris (2001) turut menjelaskan hal yang sama iaitu akhbar lebih efisien dalam menimbulkan minat dan ilmu pengetahuan dalam politik sebagaimana Schoenbach et al. (2005) menjelaskan akhbar memainkan peranan yang penting dalam menimbulkan kesedaran masyarakat terhadap peristiwa penting dan isu-isu yang melanda masyarakat menerusi pembacaan akhbar yang lebih mendalam.

Pembaca yang membaca akhbar ditawarkan dengan isi kandungan akhbar yang tersusun dalam setiap ruangan, muka surat, penggunaan gambar, saiz berita dan gambar, elemen huruf, perenggan berita, warna dan sebagainya. Pergerakan mata pembaca yang membaca setiap ruangan akhbar menunjukkan hasil pergerakan tersebut adalah sangat berkesan dalam menarik perhatian pembaca (Garcia dan Stark, 1991). Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa pembaca boleh dipikat untuk membaca sesuatu berita dalam akhbar walaupun pada mulanya mungkin tidak berminat untuk membaca dan hanya tertumpu kepada berita-berita utama sahaja (Schoenbach, 1995).

Namun begitu, penurunan pembacaan akhbar secara drastik telah menjadi polemik hangat dan mendapat perhatian ramai sarjana untuk mengkaji fenomena tersebut. Sarjana komunikasi seperti McGrath (1993) pernah mengemukakan pendapat yang sama dengan Schlageck (1998) iaitu umur merupakan penentu yang paling penting bagi melihat pola pembacaan sesebuah akhbar dan penurunannya. Kenyataan ini disokong lagi oleh Schoenbach et al. (1999) di mana mereka mendapati umur dan jumlah pendapatan amat mempengaruhi dalam menentukan pembacaan sesebuah akhbar. Bogart (1989) pula mendapati golongan pembaca akhbar yang menunjukkan pembacaan tertinggi adalah datang dari kalangan masyarakat yang berpendidikan dan berkemampuan. Walaupun kuasa monopoli akhbar dikatakan semakin hilang berikutan wujudnya media baharu seperti Internet yang seakan-akan menafikan pengaruh media konvensional ini, namun penggunaan akhbar tidak hilang seratus peratus. Kepuasan maklumat yang ditawarkan melalui pembacaan akhbar masih lagi dianggap seperti duduk sama tinggi dan berdiri sama rendah dengan media yang lainnya.

1.2 Perkembangan Akhbar di Sabah

Perkembangan pembacaan akhbar di Sabah khususnya di kawasan Pantai Barat menjadi tanda tanya dan menarik minat pengkaji untuk melihat pola penggunaan akhbar di negeri ini dan Sabah mencatatkan populasi yang besar iaitu seramai hampir 3.3 juta orang penduduk pada tahun 2010. Seramai 28.9 peratus iaitu lebih kurang 870, 577 adalah remaja yang berumur di antara 13 hingga 25 tahun (Jabatan Perangkaan, 2010). Perkembangan populasi yang semakin bertambah setiap tahun dilihat seiring dengan fenomena persekitaran yang kaya media sepertimana yang diterangkan oleh Samsudin A. Rahim (2001) sebelum ini di mana generasi muda khususnya akan berhadapan dengan persekitaran yang kaya media iaitu terdapat pelbagai media untuk dipilih. Walaubagaimanapun, mediaskap kaya media sebagaimana yang digambarkan tidak membantutkan industri akhbar Sabah yang mencanak tinggi berikutan pertambahan bilangan akhbar bagi memenuhi selera penduduknya. Keadaan ini pada masa yang sama menimbulkan tanda tanya berhubung pola kegunaan dan kepuasan akhbar dalam kalangan mereka.

Berdasarkan analisis pembacaan yang dikeluarkan oleh *Audit Bureau Circulation* pada tahun 2010, akhbar tempatan *Daily Express* mengungguli kadar pembacaan yang tertinggi dan ini diikuti oleh akhbar tempatan yang lain iaitu *Borneo Post*, *New Sabah Times* dan *Utusan Borneo*. Masyarakat Sabah ternyata memilih akhbar *Berita Harian* dan *Berita Minggu* sebagai akhbar pilihan dalam akhbar bahasa Melayu dan ini diikuti pula oleh akhbar *Harian Metro Edisi Sabah*. Bagi akhbar bahasa Inggeris, akhbar *The Star* dan *The Sunday Star* menjadi pilihan utama pembaca dan ini diikuti pula oleh akhbar *New Straits Times* dan *New Sunday Times*. Akhbar berbahasa Cina *See Hua Daily News* mencatatkan pembacaan paling tinggi di negeri Sabah dan ini diikuti pula oleh akhbar *Asia Times*, *Overseas Chinese Daily News* dan *Morning Post*. Berpandukan sumber dari Arkib Negeri Sabah, sejarah

akhbar di Sabah boleh dilihat melalui empat fasa penting mengikut sejarah Malaysia. Fasa pertama iaitu menjelang tahun 1883 hingga 1945 iaitu tempoh masa sebelum dan selepas penjajahan Jepun. Sejarah persuratkhabaran di Sabah bermula pada tahun 1883 sehinggalah pada masa kini. Tahun 1883 telah menyaksikan akhbar yang terawal dan tertua sekali di Sabah telah diterbitkan dalam versi bahasa Inggeris iaitu akhbar *The Herald*.

Menurut sumber Arkib Negeri Sabah, *The Herald* merupakan akhbar pertama yang telah diterbitkan sebelum tercetusnya perang. Ini merupakan akhbar terbitan rasmi pertama yang telah diterbitkan oleh Syarikat Berpiagam Borneo Utara (SBBU). Pencetakannya dilakukan di Daerah Kudat pada tahun yang sama dan bermula tahun 1885, akhbar ini telah diterbitkan di Sandakan. Namun, penerbitan akhbar *The Herald* terhenti apabila berlakunya penjajahan Jepun pada tahun 1941 sehingga tahun 1945. Fasa ke dua iaitu fasa sebelum merdeka yang berlaku pada tahun 1951 hingga 1956 menyaksikan akhbar *Kinabalu News Bulletin* telah diterbitkan dalam bahasa Inggeris bagi Kesatuan Olahraga Amatur Borneo Utara. Pada tahun 1953, akhbar *The Sabah Times* telah diterbitkan dan ianya telah digabungkan dengan *North Borneo News* pada tahun 1954. Hasil gabungan ini telah membentuk akhbar *North Borneo News* dan *Sabah Times*. Tahun 1956 menyaksikan penerbitan akhbar *Anak Sabah* dalam bentuk bahasa Inggeris dan sebagai akhbar kanak-kanak di Jesselton yang kini dikenali sebagai Kota Kinabalu.

Sejarah persuratkhabaran di Sabah melihat fasa ke tiga yang berlaku pada tahun 1960 hingga 1976 sebagai fasa yang sangat penting apabila terdapat banyak jenis akhbar yang diterbitkan dalam Bahasa Cina dan di antaranya adalah *Kinabalu Observer* ataupun dikenali sebagai *Evening Post*, *Api Siang Pao*, *Eastern Malaysia Evening Post*, *Tawau Jih Pao*, *Borneo Post*,

Kinabalu Daily News, *Merdeka Daily News* dan *Borneo Times*. Di Sandakan, pada tahun 1960 satu lagi akhbar telah dilancarkan iaitu, *Sandakan Jih Pao* yang dikatakan merupakan surat khabar Bahasa Cina yang tertua di Sandakan. Seterusnya pada tahun 1963, Sandakan turut menerbitkan akhbar mingguannya yang dikenali sebagai *The Sandakan Sunday News*.

Pada tahun 1965, satu lagi akhbar mingguan yang dicetak dalam dua bahasa iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Melayu telah diterbitkan iaitu *Kinabalu Sunday Times*. Namun pada tahun 1967, nama akhbar *North Borneo News* telah digugurkan dan ianya mula dikenali sebagai *The Sabah Times*. Pada tahun 1968, naskhah pertama akhbar *Merdeka Daily News* telah dicetak dan ia merupakan akhbar bahasa Cina yang turut dicetak dan diterbitkan di Sandakan. Pada tahun 1969 pula, akhbar *The Sabah Times* sekali lagi telah ditukarkan namanya sebagai *The Kinabalu Sabah Times*, namun dipindahkan semula kepada akhbar *The Sabah Times*. Tahun 1976 menyaksikan akhbar mingguan *Kinabalu Weekend* diterbitkan dalam dwi-bahasa iaitu Bahasa Inggeris dan Bahasa Cina. Manakala bagi akhbar *Asia Times* pula turut diterbitkan pada tahun yang sama.

Seterusnya fasa yang ke empat iaitu tahun 1980-an sehingga hari ini telah mencetuskan industri akhbar yang semakin rancak. Pada tahun 1980-an, akhbar *Sabah Shi Pao* juga turut dicetak. Menjelang tahun 1988, akhbar harian tabloid yang pertama iaitu *Borneo Mail* telah diterbitkan oleh Nountun Press (Sabah) Sdn. Bhd. Akhbar ini diterbitkan dalam tiga bahasa iaitu bahasa Inggeris, bahasa Melayu dan bahasa Cina. Pada April tahun 1994, akhbar *Borneo Post* mula diterbitkan dan dicetak di Kota Kinabalu dan biayai oleh See Hua Reality (Sabah) Sdn. Bhd. Selepas itu, akhbar *Utusan Borneo* telah diterbitkan yang mana merupakan tabloid 16 muka surat dalam bentuk bahasa Melayu.

Senarai akhbar yang boleh diperolehi di Sabah:

Bil	Akhbar	Jenis
1.	<i>Berita Harian</i>	Nasional
2.	<i>News Strait Times</i>	Nasional
3.	<i>News Sunday Times</i>	Nasional
4.	<i>Malay Mail</i>	Nasional
5.	<i>Sunday Mail</i>	Nasional
6.	<i>Sunday Star</i>	Nasional
7.	<i>The Star</i>	Nasional
8.	<i>Berita Minggu</i>	Nasional
9.	<i>Utusan Malaysia</i>	Nasional
10.	<i>Mingguan Malaysia</i>	Nasional
11.	<i>Metro Ahad</i>	Nasional
12.	<i>Harian Metro Edisi Sabah</i>	Nasional
13.	<i>Harakah</i>	Nasional
14.	<i>Kosmo</i>	Nasional
15.	<i>Kosmo Ahad</i>	Nasional
16.	<i>Nanyang Siang Pow</i>	Nasional
17.	<i>Sin Chew Jit Poh</i>	Nasional
18.	<i>Siasah</i>	Nasional
19.	<i>Borneo Post</i>	Tempatan
20.	<i>New Sabah Times</i>	Tempatan
21.	<i>Overseas Chinese Daily News</i>	Tempatan
22.	<i>Morning Post</i>	Tempatan
23.	<i>Asia Times</i>	Tempatan
24.	<i>See Hua Daily News</i>	Tempatan
25.	<i>Merdeka Daily News</i>	Tempatan
26.	<i>Utusan Borneo</i>	Tempatan
27.	<i>Daily Express</i>	Tempatan
28.	<i>Oriental Daily News</i>	Tempatan

Sumber: Kajian Lee Kuok Tiung (2012).

Sehingga pada hari ini terdapat sepuluh buah akhbar tempatan Sabah yang boleh diperolehi di Sabah dan 18 akhbar yang diterbitkan di Semenanjung Malaysia. Dengan kehadiran banyak akhbar di Sabah, maka kajian perlu dilakukan bagi mengetahui corak penggunaan akhbar oleh masyarakat di Sabah khususnya khalayak remaja di kawasan Pantai Barat Sabah.

1.3 Akhbar Dalam Kalangan Remaja di Malaysia

Media di Malaysia semakin berkembang berikutan beberapa tindakan kerajaan yang proaktif dalam membantu perkembangannya dan dasar Liberalisasi kerajaan terhadap media pada awal tahun 1980-an telah menggalakkan perkembangan media di negara ini terutamanya dalam perkembangan media cetak. Dasar kerajaan terhadap media selaras dengan pertumbuhan pesat negara dan peningkatan per kapita penduduk tidak dapat disangkal membantu peningkatan terhadap kebolehdapatan media jika dibandingkan pada era 1970-an (Samsudin A. Rahim, 2001).

Memahami maksud dan penggunaan akhbar di Malaysia dengan memfokus kepada remaja penting bagi memperolehi kefahaman yang menyeluruh terhadap perkembangan semasa aktiviti media golongan tersebut. Sepertimana yang digambarkan oleh Samsudin A. Rahim (2001) golongan remaja di Malaysia tidak memiliki masalah dalam soal pemilikan akhbar malahan mereka mempunyai kemudahan tersebut di rumah dan remaja dikatakan memperuntukkan masa 7.1 jam dalam seminggu menggunakan akhbar. Pelbagai strategi sentiasa diatur kemas oleh pihak kerajaan bagi terus menggalakkan budaya membaca akhbar dalam kalangan remaja pada hari ini lebih-lebih lagi dewasa kini remaja dikatakan begitu tertarik dengan media baharu dan juga blog sehingga remaja dikatakan telah meminggirkan budaya membaca akhbar dalam kalangan mereka. Senario sebegini menimbulkan persoalan adakah akhbar akan terus terpinggir biarpun pelbagai langkah dilaksanakan bagi mengekang permasalahan tersebut. Prasarana sentiasa dikemas kini oleh pelbagai pihak bagi menimbulkan minat terhadap budaya membaca akhbar sebagaimana usaha mengagihkan akhbar ke sekolah-sekolah dengan harapan dapat menjana perkembangan mentaliti pelajar selain meluaskan pengetahuan am mereka selain wujudnya sisipan pendidikan Akhbar Dalam Pembelajaran (ADaP) yang mampu dimanfaatkan oleh remaja untuk mengulangkaji